

SURUHANJAYA
PELANTIKAN
KEHAKIMAN



SPK

LAPORAN
TAHUNAN 2017

KANDUNGAN

KANDUNGAN	
PERUTUSAN PENGERUSI	muka surat
RINGKASAN EKSEKUTIF	1 - 4
LATAR BELAKANG	5 - 6
◆ Sejarah Penubuhan	
◆ Keanggotaan Suruhanjaya	
MESYUARAT	7 - 10
◆ Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman	
◆ Mesyuarat Pemilihan	
PEMILIHAN DAN PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN	11 - 15
◆ Kriteria Pemilihan	
◆ Proses Pelantikan	
◆ Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan	
❖ Hakim Mahkamah Persekutuan	
❖ Hakim Mahkamah Rayuan	
❖ Hakim Mahkamah Tinggi	
❖ Pesuruhjaya Kehakiman	
AKADEMI KEHAKIMAN	16 - 23
◆ Pelaksanaan Program Latihan Tahun 2017	
◆ Aktiviti Penerbitan Tahun 2017	
PENAMBAHBAIKAN PENTADBIRAN KEADILAN	24 - 65
PEJABAT SETIAUSAHA	66
◆ Peranan dan Fungsi	
◆ Peruntukan Kewangan	
67 - 69	

**SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017**



PERUTUSAN PENGERUSI

**PERUTUSAN
PENGERUSI**

*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Saya dengan rasa berbesar hati mengalu-alukan Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) tahun 2017.

Sesungguhnya perutusan ini saya coretkan dengan penuh perasaan kesyukuran dan kepuasan khususnya atas pelantikan saya sebagai Penggerusi SPK berkuat kuasa 1 April 2017. Sebagai pembuka kata, izinkan saya merakamkan sekalung penghargaan kepada YABhg. Tun Arifin bin Zakaria, mantan Penggerusi SPK yang saya kenali sebagai seorang insan yang sabar, bijaksana dan berwawasan. Dalam tempoh lima tahun sebagai Penggerusi SPK, beliau telah berjaya memperkuuhkan kedudukan Badan Kehakiman Negara ini menjadi sebuah institusi yang bebas dan diiktiraf peranannya dalam mewujudkan sistem pemilihan jawatan kehakiman. Legasi ini pastinya akan diteruskan untuk memastikan kecemerlangan SPK dalam mendepani cabaran yang mendarang.

Maklumat yang dilaporkan ini adalah merupakan manifestasi integriti dan kebertanggungjawaban. Berlandaskan aspirasi tersebut, maka laporan ini memaparkan maklumat-maklumat penting mengenai pencapaian SPK dalam tahun kelapan operasinya. Paparan maklumat ini diharap dapat menjamin akses masyarakat awam terutamanya pengamal undang-undang ke atas fungsi dan keberkesanan SPK.

Kenaikan Pangkat dan Persaraan

Tahun 2017 ini telah menyaksikan beberapa pelantikan dan kenaikan pangkat di semua peringkat mahkamah. Ini termasuk pelantikan 12 orang Pesuruhjaya Kehakiman dan kenaikan pangkat 11 orang Pesuruhjaya Kehakiman sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Pada masa yang sama, tiga orang Hakim Mahkamah Tinggi dinaikkan pangkat sebagai Hakim Mahkamah Rayuan dan dua orang Hakim Mahkamah Rayuan dinaikkan pangkat sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan. Saya sendiri telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara ke-14 manakala YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin dan YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop, masing-masing dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya. Kesemua pelantikan ini telah berkuat kuasa pada 1 April 2017.

Tidak dilupakan, tahun 2017 menyaksikan persaraan 12 orang hakim setelah mencapai umur persaraan wajib iaitu Ketua Hakim Negara, seorang Hakim Mahkamah Persekutuan, empat orang Hakim Mahkamah Rayuan dan enam orang Hakim Mahkamah Tinggi. Saya mendoakan mereka dikurniakan kesejahteraan dalam menempuh alam persaraan.

Proses Pemilihan dan Pelantikan

Kebebasan institusi kehakiman adalah komponen penting dalam sistem kehakiman dan perundangan di dalam sebuah negara seperti Malaysia yang mendokong prinsip kedaulatan undang-undang. Pastinya kemuncak kepada kebebasan institusi kehakiman akan disandarkan kepada kualiti, kompetensi dan keperibadian hakim itu sendiri. Realitinya, masyarakat moden yang terdidik dengan ilmu akan cenderung untuk menjadi lebih kritis dalam menilai prestasi hakim berbanding sebelumnya. Situasi ini telah mewujudkan tekanan kepada hakim dalam melaksanakan tugasnya. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab SPK untuk terus menggalas tugas menarik minat calon-calon yang berkualifikasi dan lebih penting lagi memastikan kepelbagaian dalam lingkungan calon/pemohon yang akan dipilih dan dilantik melalui amalan proses pelantikan yang adil dan telus. Sejak ditubuhkan pada tahun 2009, SPK amat berbangga dengan pencapaian setakat ini. Buktinya, SPK telah berjaya mewujudkan sebuah organisasi yang dihormati bersandarkan keutuhan proses pemilihan yang diamalkan serta berupaya menangani cabaran semasa dalam memastikan bahawa hanya calon terbaik dilantik untuk jawatan kehakiman.

Demi kelangsungan prestasi tersebut, SPK akan memastikan bahawa aspek ketelusan, kebebasan serta ketelitian terus menjadi teras dalam proses pemilihan. Saya percaya prinsip kepelbagaian dalam pemilihan calon hakim mahkamah atasan akan terus didokong bagi memastikan kualiti badan kehakiman dapat terus dikenalkan.

Dalam aspek komposisi jantina contohnya, Badan Kehakiman pada tahun 2017 telah menyaksikan pertambahan bilangan hakim wanita di semua peringkat mahkamah. Malah dalam tahun-tahun kebelakangan ini, bilangan hakim wanita dalam Badan Kehakiman di Malaysia juga bertambah dengan ketara. Perkembangan ini dialu-alukan memandangkan ia membantu meningkatkan keyakinan masyarakat awam terhadap institusi kehakiman melalui pendekatan yang seimbang dalam menguatkuaskan undang-undang. Justeru bilangan komposisi hakim wanita pada jumlah yang wajar adalah penting bagi jaminan pelaksanaan dan kesamarataan hak. Mahkamah yang bebas daripada kecenderungan sesuatu jantina dan diskriminasi berupaya menjadi dorongan kepada perubahan sosial yang berkesan.

Selain daripada kepelbagaian dalam aspek jantina, terdapat juga kepelbagaian dalam calon-calon yang dipilih sebagai hakim. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, SPK meneruskan misi melantik dan mengesyorkan calon-calon daripada pelbagai sektor dan bidang kepakaran dalam undang-undang. Saya gembira untuk menyatakan bahawa Badan Kehakiman Malaysia mempunyai komposisi hakim yang terdiri daripada pelbagai latar belakang amalan bidang perundangan sama ada daripada sektor swasta maupun sektor awam.

Akademi Kehakiman

Perkembangan semasa serta kompleksiti dalam bidang perundangan menuntut kepada pembelajaran berterusan. Oleh itu, Akademi Kehakiman yang ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah SPK akan terus memberi tumpuan kepada usaha pembangunan, pelaksanaan dan penilaian modul latihan yang khusus bagi memenuhi keperluan semasa hakim-hakim, terutamanya Pesuruhjaya Kehakiman dan Hakim Mahkamah Tinggi yang baharu dilantik agar mereka kekal relevan. Saya perlu merakamkan ucapan terima kasih kepada YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed kerana dengan rela hati menerima pelantikan sebagai Pengurus Jawatankuasa Latihan.

Pada masa ini, program latihan SPK dikendalikan oleh hakim-hakim kanan yang secara sukarela meluangkan masa bagi berkongsi kepakaran mereka melalui Jawatankuasa Latihan yang diwujudkan. Sehingga kini, pelbagai program latihan berimpak tinggi telah dimasukkan dalam jadual latihan Akademi Kehakiman. Program latihan yang dilaksanakan merangkumi pelbagai topik termasuk penulisan penghakiman, pengurusan kes, dan penilaian ganti rugi, undang-undang fitnah dan pindaan Akta Syarikat 2016. Pada tahun 2017, Akademi Kehakiman juga telah menganjurkan ceramah bertajuk '*Eastminster Constitution Making in Malaysia and Commonwealth Asia Following Independence*' yang disampaikan oleh pakar perlembagaan dan pentadbiran daripada University of Edinburgh, United Kingdom. Pelaksanaan kesemua program ini telah mendapat maklumbalas positif daripada peserta.

Saya juga mengalu-alukan penerbitan edisi kedua dan ketiga *Journal of the Malaysian Judiciary (JMJJ)*. Tujuan utama penerbitan ini adalah untuk menyebar luas penerbitan rujukan ilmiah berkaitan undang-undang dan seterusnya membudayakan perkongsian pengetahuan dalam Badan Kehakiman. Dalam hubungan ini, ucapan terima kasih saya rakamkan kepada YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop atas sumbangan beliau sebagai Pengurus Jawatankuasa Penerbitan yang pertama sebelum pelantikannya sebagai Hakim Besar Mala. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Penerbitan yang diketuai oleh YA Tan Sri Datuk Zainun binti Ali atas kejayaan menggalas tugas yang mencabar ini dan mengharapkan beliau dapat terus memainkan peranan penting dalam penerbitan JMJJ. Saya juga harus mengucapkan terima kasih kepada semua penulis atas sumbangan mereka dan saya berharap untuk melihat lebih banyak penulis dalam penerbitan akan datang.

Penambahbaikan Pentadbiran Keadilan

Usaha SPK secara berterusan untuk memperbaiki sistem penyampaian dan mengurangkan kes-kes tertunggak telah diiktiraf dengan meluas. Namun begitu, pelbagai aspek masih perlu diberi perhatian ke arah penambahbaikan berterusan. Sebagai contoh, kesegeraan dari segi tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan kes, bilangan kes yang ditugaskan kepada seseorang hakim dan insiden kelewatan yang tidak wajar dalam perbicaraan. Saya perlu mengingatkan kepada para hakim bahawa keperluan untuk memutuskan kes dengan segera dan cepat adalah mustahak, selari dengan prinsip bahawa '*justice delayed is justice denied*'. Oleh itu, kemajuan setiap kes perlu sentiasa dipantau untuk memastikan ia dapat ditangani dengan teliti, diselesaikan dalam jangka masa yang munasabah tanpa sebarang penangguhan. Sehubungan ini, SPK telah mengadakan mesyuarat secara kerap dengan semua hakim bagi membincangkan isu-isu untuk kepentingan bersama, terutamanya penambahbaikan pentadbiran keadilan dan penyampaian perkhidmatan seperti mana yang dilakukan sebelum ini dengan Mahkamah Tinggi Shah Alam. Saya berharap akan dapat bermesyuarat dengan lebih ramai hakim dan terus mencari jalan dan inisiatif baharu untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti kepada pihak yang berkepentingan, tanpa sebarang penangguhan. Sehubungan ini, SPK telah mengadakan mesyuarat secara kerap dengan semua hakim bagi membincangkan isu-isu untuk kepentingan bersama, terutamanya penambahbaikan pentadbiran keadilan dan penyampaian perkhidmatan seperti mana yang dilakukan sebelum ini dengan Mahkamah Tinggi Shah Alam. Saya berharap akan dapat bermesyuarat dengan lebih ramai hakim dan terus mencari jalan dan inisiatif baharu untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti kepada pihak yang berkepentingan.

Penghargaan

Tempoh perkhidmatan empat orang anggota Suruhanjaya telah berakhir pada tahun lalu. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Haidar bin Mohamed Noor, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie, YBhg. Dato' Selventhiranathan a/l Thiagarajah dan YBhg. Dato' Tee Ah Sing @ Tee Boon Hooi atas nasihat dan sumbangan berharga dalam menambahbaik proses pemilihan serta syor untuk pelantikan hakim. Saya ingin mengalu-alukan Anggota Suruhanjaya yang baharu iaitu YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed, Hakim Mahkamah Persekutuan; YABhg. Tun Arifin bin Zakaria, mantan Ketua Hakim Negara; YBhg. Dato' Anantham a/l Kasinather, mantan Hakim Mahkamah Rayuan; YBhg. Datu Abdul Razak Tready, mantan Peguam Besar Negeri Sarawak; dan Prof. Dr. Choong Yeow Choy, Profesor di Universiti Malaya. Saya percaya kepelbagaian komposisi anggota Suruhanjaya membuktikan ketelusan dan profesionalisme. Setiap anggota dalam konteks ini memiliki pengetahuan, pengalaman dan kepakaran yang membentuk keterbukaan minda. Perkara ini selanjutnya membina keupayaan SPK dalam melihat dan menilai sesuatu perkara melalui pendekatan yang holistik serta lebih mendalam.

Saya juga berterima kasih kepada Setiausaha SPK terdahulu iaitu YBhg. Datuk Hamidah binti Khalid yang telah bersara pada tahun ini atas sumbangannya yang besar kepada SPK. YBhg. Datuk Hamidah adalah antara tunggak utama yang memastikan SPK dapat berdiri utuh seperti mana hari ini sebagai sebuah institusi yang profesional, bebas dan dihormati. SPK selanjutnya mengalu-alukan Encik Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad yang dilantik menjadi Setiausaha pada April 2017. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka atas komitmen, dedikasi dan sokongan yang diberikan.

SPK berbangga dengan apa yang telah dicapai sejak ditubuhkan pada tahun 2009. Kami telah mewujudkan organisasi yang diyakini tadbir urusnya serta keupayaan menangani cabaran dalam mewujudkan kepelbagaian dalam Badan Kehakiman. Kejayaaan ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sokongan berterusan daripada anggota Suruhanjaya dan kakitangan SPK.

Penutup

Menyingkap kepada pencapaian yang bermakna pada tahun lalu, saya berasa amat gembira dengan usaha dan prestasi yang ditunjukkan dalam semua bidang pencapaian. Tidak dinafikan, memperkasa dan meningkatkan tahap sesuatu profesi – khususnya profesi kehakiman – menuntut usaha serta kerja keras, tetapi melihat hasil positif yang berterusan, sesungguhnya ia telah memberi satu kepuasan.

Laporan Tahunan ini memaparkan pencapaian SPK pada tahun 2017. Saya berharap laporan ini berjaya memberikan informasi dan menarik untuk dibaca.

Tun Raus Sharif
Ketua Hakim Negara

**SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017**

RINGKASAN EKSEKUTIF



**SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017**

RINGKASAN EKSEKUTIF


Seksyen 31 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) mengkehendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai aktivitinya dan dibentangkan di Parlimen. Selaras dengan peruntukan tersebut, Laporan Tahunan 2017 Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (selepas ini disebut Suruhanjaya) ini disediakan.

Laporan ini dibahagikan kepada enam bab utama:

- 1. Latar Belakang** - menerangkan sejarah penubuhan, peranan Suruhanjaya dan memperkenalkan profail Anggota Suruhanjaya.
- 2. Mesyuarat** - memaklumkan pelaksanaan dua mesyuarat Suruhanjaya sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta 695 iaitu Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Mesyuarat Pemilihan.
- 3. Pemilihan dan Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan** - menjelaskan proses pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan di pelbagai peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Akta 695.
- 4. Akademi Kehakiman** - melaporkan program-program latihan dalam dan luar negara serta aktiviti penerbitan pada tahun 2017.
- 5. Penambahbaikan Pentadbiran Keadilan** - melaporkan aktiviti yang dilaksanakan bagi memantapkan Badan Kehakiman.
- 6. Urus Setia Suruhanjaya** - menerangkan peranan dan fungsi Urus Setia Suruhanjaya dan melaporkan peruntukan kewangan yang diluluskan dalam tahun 2017.

FOKUS 2017

- Mesyuarat**
 - ◆ 11 Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman
 - ◆ 4 Mesyuarat Pemilihan
- Pelantikan Hakim**
 - ◆ Ketua Hakim Negara
 - ◆ Presiden Mahkamah Rayuan
 - ◆ Hakim Besar Malaya
 - ◆ 2 Hakim Mahkamah Persekutuan
 - ◆ 3 Hakim Mahkamah Rayuan
 - ◆ 11 Hakim Mahkamah Tinggi
- Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman**
 - ◆ 12 Pesuruhjaya Kehakiman
- Program Latihan Dalam Negara**
 - ◆ Kursus di bawah Pengendalian Hakim Kanan
 - ❖ ‘*Induction Programme for Judicial Commissioners*’
 - ❖ ‘*How to Deal with Cases under Section 302 of the Penal Code*’
 - ❖ ‘*Damages*’
 - ❖ ‘*Case Management in Civil Cases*’
 - ❖ ‘*Judgment Writing*’
 - ❖ ‘*Defamation*’
 - ❖ ‘*Criminal Law: Evidence and Procedure*’
 - ❖ ‘*Damages Part II—Tort*’
 - ◆ Program yang Melibatkan Kerjasama dengan Agensi Lain
 - ❖ *Knowledge Sharing Session with H.E Justice Shamlan Al Sawalehi*
 - ◆ Jemputan Penceramah dari Dalam dan Luar Negara
 - ❖ Puan Nor Azimah binti Abdul Aziz dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - ❖ Encik Lee Shih dari Tetuan Skrine
 - ❖ Dr. Harshan Kumarasingham dari *University of Edinburgh, United Kingdom*
- Program Latihan Luar Negara**
 - ◆ *1st ASEAN Family Judges Forum*
- Penerbitan**
 - ◆ *Journal of the Malaysian Judiciary* Edisi Januari dan Julai 2017
- Penambahbaikan Pentadbiran Keadilan**
 - ◆ Program Ketua Hakim Negara Besama Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Shah Alam Siri 1 dan 2



LATAR BELAKANG

**SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017**

LATAR BELAKANG**SEJARAH PENUBUHAN**

Suruhanjaya telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) yang telah diwartakan pada 8 Januari 2009. Penubuhan Suruhanjaya adalah merupakan satu inisiatif bagi memperkasa dan memperkuatkuuh Badan Kehakiman serta meningkatkan integriti Badan tersebut melalui proses pencalonan, pemilihan, pelantikan dan kenaikan pangkat hakim mahkamah atasanyang lebih telus dan adil.

PERANAN SURUHANJAYA

Suruhanjaya adalah berperanan untuk menerima dan menimbang permohonan daripada orang berkelayakan ke jawatan hakim-hakim mahkamah atasan berdasarkan peruntukan seksyen 21 Akta 695. Selain melaksanakan fungsi utamanya iaitu memilih orang-orang berkelayakan sebagai hakim mahkamah atasan, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya untuk menambahbaik sistem keadilan di negara ini termasuk mengadakan program latihan untuk hakim-hakim mahkamah atasan serta menerbitkan jurnal perundangan.

KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

Suruhanjaya dianggotai oleh sembilan orang anggota termasuk Pengurus. Keanggotaan Suruhanjaya adalah berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan di bawah Akta 695. Empat anggotanya adalah dilantik berdasarkan jawatan dalam Badan Kehakiman mengikut peruntukan subseksyen 5(1)(a),(b),(c) dan (d) Akta 695, manakala lima orang anggotanya adalah dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan peruntukan subseksyen 5(1)(e) dan (f) Akta 695. Mereka terdiri daripada seorang Hakim Mahkamah Persekutuan dan empat orang terkemuka yang bukan merupakan anggota eksekutif atau perkhidmatan awam lain.

PELANTIKAN BERDASARKAN JAWATAN DALAM BADAN KEHAKIMAN**YAA TUN RAUS SHARIF**

Ketua Hakim Negara

**YAA TAN SRI DATO' SERI
ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN**

Presiden Mahkamah Rayuan

**YAA TAN SRI DATO' SRI
AHMAD BIN HAJI MAAROP**Hakim Besar
Mahkamah Tinggi di Malaya**YAA TAN SRI
DATUK SERI PANGLIMA
RICHARD MALANJUM**Hakim Besar Mahkamah
Tinggi di Sabah dan Sarawak

PELANTIKAN OLEH PERDANA MENTERI


**YA TAN SRI DATO' SRI
AZAHAR BIN MOHAMED**

Hakim Mahkamah
Persekutuan



**YABHG. TUN ARIFIN
BIN ZAKARIA**

Mantan
Ketua Hakim Negara



**YBHG. DATO'
ANANTHAM
A/L KASINATHER**

Mantan Hakim
Mahkamah Rayuan




**YBHG. PROF. DR.
CHOONG YEOW CHOY**

Profesor Fakulti
Undang-Undang
Universiti Malaya





**YBHG. DATU
ABDUL RAZAK TREADY**

Mantan Peguam Besar
Negeri Sarawak

PENGHARGAAN KEPADA PENGERUSI DAN ANGGOTA SURUHANJAYA**YABHG. TUN ARIFIN BIN ZAKARIA**

Dilantik sebagai Pengurus
Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman
mulai 12 September 2011 hingga
31 Mac 2017.



**YBHG. TAN SRI HAIDAR BIN MOHAMED NOOR,
YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA SULONG MATJERAIE,
YBHG. DATO' SELVENTHIRANATHAN A/L THIAGARAJAH DAN
YBHG. DATO' TEE AH SING @ TEE BOON HOI**

Dilantik sebagai anggota Suruhanjaya mulai 8 Februari 2013 hingga 9 Februari 2017
setelah berkhidmat selama 2 penggal (4 tahun).



MESYUARAT

**SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017**

MESYUARAT SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

Subseksyen 13(1) Akta 695 memperuntukkan Suruhanjaya mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan. Mesyuarat ini secara umumnya membincangkan inisiatif untuk meningkatkan prestasi, pencapaian dan kecekapan Badan Kehakiman. Pada tahun 2017, sebanyak 11 mesyuarat telah diadakan dan dua daripadanya diadakan di luar Putrajaya. Mesyuarat pada bulan Mac 2017 tidak dapat diadakan kerana empat orang Anggota Suruhanjaya yang baharu belum dilantik pada ketika itu.

Jadual 1 : Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Tahun 2017

TARIKH	TEMPAT
3 Januari (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
3 Februari (Jumaat)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
20 April (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
11 Mei (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
8 Jun (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
20 Julai (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
17 Ogos (Khamis)	Bilik Mesyuarat Anggerik, Aras 6, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur
7 September (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
19 Oktober (Khamis)	Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah
9 November (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya
13 Disember (Rabu)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya

PROGRAM BERSEMPENA MESYUARAT SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Taklimat oleh YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed dan
YA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim

Taklimat Mengenai Prestasi dan Statistik Pelupusan Kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Bersempena dengan Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 7 Tahun 2017 yang diadakan pada 17 Ogos 2017, Anggota Suruhanjaya telah diberi taklimat mengenai statistik pelupusan kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed, Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Sivil dan Bahagian Jenayah) telah membentangkan statistik penyelesaian kes di Mahkamah Sivil Baharu (NCVC), Mahkamah Pembinaan, Mahkamah Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas, Mahkamah Keluarga dan Mahkamah Jenayah. Manakala YA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim yang merupakan Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Dagang) telah membentangkan statistik penyelesaian kes di Mahkamah NCC, Mahkamah Harta Intelek, Mahkamah Alam Sekitar, Mahkamah Mu'amalat, Mahkamah Admiralti serta Mahkamah Kebankrapan dan Pasca Penggulungan.



KOTA KINABALU, SABAH

Kunjungan Hormat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah

Pada 19 Oktober 2017, bersempena dengan Mesyuarat Suruhanjaya yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah, Anggota-anggota Suruhanjaya telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Pada majlis tersebut, YAA Tun Raus Sharif selaku Pengurus Suruhanjaya telah memaklumkan prestasi dan pencapaian Badan Kehakiman serta penambahbaikan yang telah dilaksanakan ke atas institusi kehakiman di negeri tersebut.



Majlis Kunjungan Hormat kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah

Taklimat Mengenai Prestasi dan Statistik Pelupusan Kes di Mahkamah Negeri Sabah dan Sarawak

Satu sesi taklimat mengenai prestasi dan statistik penyelesaian kes Mahkamah Negeri Sabah dan Negeri Sarawak telah diadakan pada 19 Oktober 2017 bersempena dengan Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 9 Tahun 2017 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah. Taklimat mengenai prestasi dan statistik Mahkamah Negeri Sabah telah disampaikan oleh Puan Elsie Primus, Timbalan Pendaftar (Pentadbiran), Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah. Manakala taklimat mengenai prestasi dan statistik Mahkamah Negeri Sarawak pula telah disampaikan oleh Puan Zaiton binti Anuar, Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Sibu, Sarawak.



Anggota Suruhanjaya semasa Taklimat Mengenai Prestasi dan Statistik Pelupusan Kes

Lawatan ke Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu yang baharu

Selepas sesi taklimat, Anggota Suruhanjaya telah di bawa melawat ke Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu yang masih dalam pembinaan. Kompleks Mahkamah yang baharu itu terletak di Bukit Punai, Kota Kinabalu, Sabah. Anggota Suruhanjaya telah diberi taklimat mengenai tahap kemajuan pembinaan kompleks tersebut yang dijangka siap dibina pada bulan April 2018.



Anggota Suruhanjaya diberi taklimat mengenai tahap kemajuan pembinaan Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu



Anggota Suruhanjaya bergambar selepas lawatan ke Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu

MESYUARAT PEMILIHAN

Suruhanjaya adalah berperanan untuk menerima dan mempertimbang permohonan daripada orang berkelayakan ke jawatan hakim-hakim mahkamah atasan berdasarkan peruntukan seksyen 21 Akta 695. Hakim-hakim mahkamah atasan yang dimaksudkan di bawah Akta ini adalah Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman.

Dalam tahun 2017, empat Mesyuarat Pemilihan telah diadakan oleh Suruhanjaya. Calon-calon yang telah dipertimbang untuk pemilihan terdiri daripada Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan untuk pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi untuk pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Calon-calon untuk dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pula adalah daripada Pesuruhjaya Kehakiman. Bagi pemilihan Pesuruhjaya Kehakiman, calon-calon adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan serta pengamal undang-undang yang memenuhi kehendak peruntukan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.

Jadual 2 : Mesyuarat Pemilihan Tahun 2017

TARIKH	TEMPAT	PEMILIHAN
3 Januari (Selasa)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya	Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Mahkamah Persekutuan
20 April (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya	Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan
9 November (Khamis)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya	Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi
13 Disember (Rabu)	Bilik Mesyuarat Ketua Hakim Negara, Aras 5, Istana Kehakiman, Putrajaya	Pesuruhjaya Kehakiman

SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017



**PEMILIHAN
DAN PELANTIKAN
HAKIM
MAHKAMAH ATASAN**

SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN HAKIM DAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN TAHUN 2017

KRITERIA PEMILIHAN

Dalam menimbang calon-calon, kriteria pemilihan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 23 Akta 695 akan diguna pakai. Suruhanjaya juga telah menyediakan satu garis panduan mengenai kualiti individu yang akan dipilih sebagai hakim mahkamah atasan. Garis panduan ini membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsi pemilihannya dengan lebih berkesan. Kriteria-kriteria ini adalah untuk memastikan bahawa individu yang dipilih mempunyai kualiti peribadi, keupayaan intelektual, cekap dan mampu menyelesaikan pertikaian dengan adil serta membuat keputusan berdasarkan fakta dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Kriteria Pemilihan

Seksyen 23 (1)

Seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 23 (2)

Seksyen 23 (2)

Dalam memilih calon, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain, kriteria berikut :

- (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (e) kesihatan fizikal dan mental.

Seksyen 23 (3)

Seseorang yang merupakan hakim atau pesuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.

Seksyen 23 (4)

Dalam memilih calon, Suruhanjaya mestilah juga mengambil kira keperluan untuk menggalakkan kepelbagaiannya dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman.

Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

PROSES PEMILIHAN

Suruhanjaya melaksanakan proses pemilihan sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 22(2)(a)(b) Akta 695. Selepas pemilihan dibuat, satu laporan lengkap akan dikemukakan kepada Perdana Menteri dengan memaklumkan nama-nama yang disyor dan asas-asas pertimbangan seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26 Akta 695. Seksyen 27 Akta 695 memperuntukan Perdana Menteri boleh meminta dua nama lagi untuk dipilih dan disyorkan bagi pertimbangannya. Seksyen 28 Akta 695 pula menerangkan peranan Perdana Menteri untuk memberi nasihatnya mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan-peruntukan ini membantu Perdana Menteri dalam penyempurnaan peranannya dalam proses pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan. Ini bermakna kuasa Perdana Menteri dalam proses pelantikan hakim mahkamah atasan telah diperuntukkan serta diperjelaskan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Proses yang diperuntukkan di bawah Akta 695 hanyalah merupakan proses pelantikan yang mendahului Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.

Pelantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi

Perkara 122B (1)

Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada perkara 122C) hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan

Proses Pemilihan

Seksyen 22 (1)

Apabila diterima suatu permintaan, Suruhanjaya hendaklah memberitahu anggota-anggota Suruhanjaya dan membuat persediaan bagi mesyuarat pemilihan.

Seksyen 22 (2)

Dalam mesyuarat pemilihan, Suruhanjaya hendaklah menggunakan proses pemilihan sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat dibawah Akta ini dan,

- (a) memilih tidak kurang daripada tiga orang bagi setiap kekosongan jawatan di Mahkamah Tinggi; atau
- (b) memilih tidak kurang daripada dua orang bagi setiap kekosongan jawatan jika kekosongan jawatan itu adalah bagi hakim mahkamah atasan selain Mahkamah Tinggi.

Seksyen 22 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)



Seksyen 26 (1)

Selepas membuat pemilihannya, Suruhanjaya hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Perdana Menteri yang hendaklah :-

- (a) menyatakan siapa yang telah dipilih oleh Suruhanjaya untuk disyorkan bagi pelantikan ke jawatan yang berkenaan;
- (b) menyatakan alasan bagi pemilihan itu; dan
- (c) mengandungi apa-apa maklumat lain yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya untuk dibawa kepada pengetahuan Perdana Menteri.

Laporan Tentang Syor



Seksyen 26 (2)

Selepas mengemukakan laporan itu, Suruhanjaya hendaklah memberikan apa-apa maklumat lanjut sebagaimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri.

Seksyen 26 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

Permintaan bagi Pemilihan Lanjut oleh Perdana Menteri



Seksyen 27

Perdana Menteri boleh, selepas menerima laporan di bawah seksyen 26, meminta dua nama lagi untuk dipilih dan disyorkan bagi pertimbangannya berkenaan dengan apa-apa kekosongan ke jawatan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan, dan Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mematuhi permintaan itu mengikut proses pemilihan sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Seksyen 27 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

Pemberian Nasihat



Seksyen 28

Apabila Perdana Menteri telah menerima mana-mana orang yang disyorkan oleh Suruhanjaya, dia bolehlah seterusnya memberikan nasihatnya mengikut Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 28 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN

Jumlah keseluruhan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik dalam tahun 2017 adalah seramai 31 orang. Pecahan bilangan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman adalah seperti berikut:

Jadual 3 : Pecahan Bilangan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman

BIL.	MAHKAMAH	BILANGAN DILANTIK
1.	Ketua Hakim Negara	1
2.	Presiden Mahkamah Rayuan	1
3.	Hakim Besar Malaya	1
4.	Mahkamah Persekutuan	2
5.	Mahkamah Rayuan	3
6.	Mahkamah Tinggi	11
7.	Pesuruhjaya Kehakiman	12
JUMLAH		31

PELANTIKAN KETUA HAKIM NEGARA, PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN DAN HAKIM BESAR MAHKAMAH TINGGI DI MALAYA

YAA Tun Arifin bin Zakaria, Ketua Hakim Negara telah mencapai umur persaraan pada 31 Mac 2017. Berikutan persaraan tersebut, YAA Tun Raus Sharif yang pada ketika itu menyandang jawatan Presiden Mahkamah Rayuan telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara yang ke-14 berkuat kuasa pada 1 April 2017, manakala YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan dan YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop dilantik sebagai Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

Selanjutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 3 April 2017 atas nasihat YAA Tun Arifin bin Zakaria sebelum persaraan beliau, telah memperkenankan pelantikan YAA Tun Raus Sharif untuk tempoh 3 tahun dan YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin untuk tempoh 2 tahun sebagai hakim-hakim tambahan selaras dengan Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan masing-masing mulai 4 Ogos 2017 dan 28 September 2017 setelah mereka mencapai umur 66 tahun dan 6 bulan.

Berdasarkan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja telah memperkenankan YAA Tun Raus Sharif dan YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin dilantik sebagai Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan Presiden Mahkamah Rayuan mulai tarikh dan tempoh yang sama.



YAA Tun Raus Sharif
mengangkat sumpah sebagai Ketua Hakim Negara



YAA Tan Sri Dato' Sri
Zulkefli bin Ahmad Makinudin
menerima Watikah Pelantikan sebagai
Presiden Mahkamah Rayuan



YAA Tan Sri Dato' Sri
Ahmad bin Haji Maarop
menerima Watikah Pelantikan sebagai
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN




YA Datuk
Dr. Prasad Sandosham Abraham
menerima Watikah Pelantikan sebagai
Hakim Mahkamah Persekutuan



YA Dato' Alizatul Khair binti
Osman Khairuddin
menerima Watikah Pelantikan sebagai
Hakim Mahkamah Persekutuan

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH RAYUAN

YA Dato'
Suraya binti Othman
menerima Watikah
Pelantikan sebagai
Hakim Mahkamah Rayuan



YA Datuk
Yeoh Wee Siam
menerima Watikah
Pelantikan sebagai
Hakim Mahkamah Rayuan



YA Dato'
Rhodzariah binti Bujang
menerima Watikah
Pelantikan sebagai
Hakim Mahkamah Rayuan

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI

- | | |
|------------------------------------|--|
| 1. YA Datuk Azimah binti Omar | 7. YA Tuan Collin Lawrence Sequerah |
| 2. YA Tuan Gunalan a/l Muniandy | 8. YA Tuan Azizul Azmi bin Adnan |
| 3. YA Tuan Lim Chong Fong | 9. YA Tuan Mohamed Zaini bin Mazlan |
| 4. YA Dato' Nordin bin Hassan | 10. YA Tuan Mohd Nazlan bin Mohd Ghazali |
| 5. YA Dato'Azmi bin Ariffin | 11. YA Tuan Azhahari Kamal bin Ramli |
| 6. YA Puan Noorin binti Badaruddin | |



Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi bergambar selepas menerima Watikah Pelantikan daripada Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

PELANTIKAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN

Dalam usaha untuk memperluaskan kepelbagaian calon-calon hakim mahkamah atasan dan meningkatkan keyakinan terhadap Badan Kehakiman, Suruhanjaya telah memilih calon Pesuruhjaya Kehakiman daripada pelbagai bidang kemahiran, latar belakang pendidikan dan pengalaman. Pada tahun 2017, tujuh orang Pesuruhjaya Kehakiman dilantik daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan lima orang daripada pengamal undang-undang.

Jadual 4 : Nama Pesuruhjaya Kehakiman yang Dilantik

NO.	NAMA	JAWATAN SEBELUM PELANTIKAN
1.	YA Datin Faizah binti Jamaludin	<i>Partner,</i> Tetuan Skrine, Bahagian Korporat Kuala Lumpur
2.	YA Puan Rohani binti Ismail	Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya
3.	YA Tuan Dean Wayne Daly	Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya
4.	YA Tuan Mat Ghani bin Abdullah	Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur
5.	YA Tuan Asmadi bin Husin	Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor
6.	YA Datin Zalita binti Dato' Haji Zaidan	Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Putrajaya
7.	YA Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid	Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya

NO.	NAMA HAKIM	JAWATAN SEBELUM PELANTIKAN
8.	YA Tuan Anselm Charles Fernandis	Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya
9.	YA Tuan Mohd Ivan bin Hussein	Tetuan Ivan Hussein Advocates, Kuching, Sarawak
10.	YA Tuan Ahmad Shahrir bin Mohd Salleh	Tetuan Ramli, Shahrir & Tajul, Petaling Jaya, Selangor
11.	YA Tuan Dexter Agas Michael	<i>Partner</i> , Tetuan Ee & Lim Advocates, Kuching, Sarawak
12.	YA Puan Celestina Stuel Galid	<i>Partner</i> , Jayasuriya Kah & Co., Kota Kinabalu, Sabah



Pesuruhjaya Kehakiman selepas dilantik pada 27 Mac 2017



**AKADEMI
KEHAKIMAN**

**SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN | LAPORAN
TAHUNAN 2017**

AKADEMI KEHAKIMAN

Akademi Kehakiman telah ditubuhkan pada 16 Disember 2011 selaras dengan fungsi Suruhanjaya di bawah subseksyen 21 (1)(e) dan (f) Akta 695. Jawatankuasa Akademi Kehakiman pada masa ini dianggotai oleh 11 orang Hakim dan dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara.

Jadual 5 : Keanggotaan Jawatankuasa Akademi Kehakiman

Pengerusi

YAA Tun Raus Sharif

Ketua Hakim Negara

Ahli

YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin
YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop

Presiden Mahkamah Rayuan
Hakim Besar

YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum

Mahkamah Tinggi di Malaya
Hakim Besar

YA Tan Sri Datuk Zainun binti Ali

Mahkamah Tinggi
di Sabah dan Sarawak

YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed

Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim

Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Dato' Sri Balia Yusof bin Haji Wahi

Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Tan Sri Dato' Wira Aziah binti Ali

Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Datuk Nallini Pathmanathan

Hakim Mahkamah Rayuan

YA Datuk Dr. Badariah binti Sahamid

Hakim Mahkamah Rayuan

Setiausaha

Encik Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad

Setiausaha
Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Bagi membolehkan Akademi Kehakiman menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan, dua jawatankuasa telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Latihan dan Jawatankuasa Penerbitan. Jawatankuasa Latihan bertanggungjawab membangun, merancang dan menyediakan program latihan dalam dan luar negara kepada hakim-hakim mahkamah atasan. Manakala Jawatankuasa Penerbitan pula bertanggungjawab menerbit jurnal, buku teks, buku undang-undang dan monograph.

PROGRAM LATIHAN TAHUN 2017

Pembelajaran berterusan merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan kerjaya seseorang hakim. Objektif utama pelaksanaan program latihan kepada hakim adalah untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran hakim-hakim selaras dengan perkembangan semasa bidang perundangan dalam dan luar negara. Jawatankuasa Latihan dipengerusikan oleh YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed dan dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

Jadual 6 : Keanggotaan Jawatankuasa Latihan

Pengerusi

YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed

Hakim Mahkamah Persekutuan

Ahli

YA Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham

Hakim Mahkamah Persekutuan

YA Dato' Tengku Maimun binti Tuan Mat

Hakim Mahkamah Rayuan

YA Dato' Setia Haji Mohd Zawawi bin Salleh

Hakim Mahkamah Rayuan

YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat

Hakim Mahkamah Rayuan

YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim

Hakim Mahkamah Rayuan

Setiausaha

Encik Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad

Setiausaha

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Program latihan hakim dibahagikan kepada dua kategori iaitu program latihan dalam negara dan program latihan luar negara. Pada tahun 2017, peruntukan keseluruhan yang telah dibelanjakan untuk membiayai kos pelaksanaan program latihan ini adalah sebanyak RM191,308.

PROGRAM LATIHAN DALAM NEGARA

Berdasarkan perkembangan bidang perundangan serta selari dengan perubahan kehendak masyarakat, kursus-kursus yang dianjurkan oleh Akademi Kehakiman memberi tumpuan khusus kepada kemahiran penghakiman sebagai tambahan kepada undang-undang substantif, prosedur mahkamah dan kemahiran dalam pengurusan kes. Dalam tahun 2017, keseluruhannya sebanyak 11 program latihan telah dilaksanakan oleh Akademi Kehakiman bagi latihan dalam negara yang meliputi tiga kategori iaitu:

- (i) Kursus di bawah pengendalian hakim-hakim kanan;
- (ii) Program kerjasama dengan agensi lain; dan
- (iii) Undangan pakar perundangan/ilmuwan dari dalam dan luar negara.

KURSUS DI BAWAH PENGENDALIAN HAKIM-HAKIM KANAN

Kursus dan latihan yang dikendalikan oleh hakim-hakim kanan secara dasarnya bertujuan untuk meningkatkan kualiti hakim di semua peringkat mahkamah serta mengurangkan kekhilafan bagi meningkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap Badan Kehakiman.

Kaedah pembelajaran secara interaktif antara peserta kursus yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman dengan fasilitator diguna pakai dalam kebanyakan kursus ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan keberkesanan kursus yang dijalankan. Pendekatan ini adalah bersesuaian dengan bilangan peserta yang kecil iaitu di antara 16 hingga 25 peserta setiap sesi.

Berdasarkan statistik, 88.6% Hakim Mahkamah Tinggi dan 100% Pesuruhjaya Kehakiman menghadiri sekurang-kurangnya satu kursus dalam tahun 2017. Hampir 70% Pesuruhjaya Kehakiman menghadiri kursus sekurang-kurangnya tiga kali pada tahun tersebut.

Pada tahun 2017, sebanyak lapan kursus dikendalikan oleh hakim-hakim kanan. Pada tahun ini, penekanan diberi dalam aspek meningkatkan pengetahuan serta kepakaran peserta mengenai isu-isu perundangan yang spesifik dan semasa.

Jadual 7 : Kursus yang Dikendalikan oleh Hakim Kanan

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Kursus ' <i>Induction Programme for Judicial Commissioners</i> '	20 - 27 Mac 2017	14 Pesuruhjaya Kehakiman
2.	Kursus ' <i>How to Deal with Cases under Section 302 of the Penal Code</i> '	31 Mac - 1 April 2017	7 - Hakim Mahkamah Tinggi 9 - Pesuruhjaya Kehakiman
3.	Kursus ' <i>Damages</i> '	7 - 8 April 2017	11 - Hakim Mahkamah Tinggi 8 - Pesuruhjaya Kehakiman
4.	Kursus ' <i>Case Management in Civil Cases</i> '	12 - 13 Mei 2017	3 - Hakim Mahkamah Tinggi 17 - Pesuruhjaya Kehakiman
5.	Kursus ' <i>Judgment Writing</i> '	19 - 20 Mei 2017	18 - Hakim Mahkamah Tinggi 5 - Pesuruhjaya Kehakiman
6.	Kursus ' <i>Defamation</i> '	18 - 19 Ogos 2017	10 - Hakim Mahkamah Tinggi 10 - Pesuruhjaya Kehakiman
7.	Kursus ' <i>Criminal Law: Evidence and Procedure</i> '	22 - 23 September 2017	14 - Hakim Mahkamah Tinggi 9 - Pesuruhjaya Kehakiman
8.	Kursus ' <i>Damages Part II — Tort</i> '	6 - 7 Oktober 2017	10 - Hakim Mahkamah Tinggi 8 - Pesuruhjaya Kehakiman

1. KURSUS 'INDUCTION PROGRAMME FOR JUDICIAL COMMISSIONERS'

Kursus '*Induction Programme for Judicial Commissioners*' diadakan bertujuan untuk mendedahkan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman yang baharu dilantik kepada bidang tugas dan prinsip amalan terbaik yang perlu diikuti semasa melaksanakan tugas.

Seramai tiga orang Pesuruhjaya Kehakiman dan 11 orang calon yang akan dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakimantelah menghadiri kursus ini.

Jadual 8: Peserta Kursus 'Induction Programme for Judicial Commissioners'

BIL.	NAMA PESERTA	JAWATAN
1.	YA Dato' Sri Tun Abdul Majid bin Dato' Haji Tun Hamzah	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Shah Alam
2.	YA Tuan Azmi bin Abdullah	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Pulau Pinang
3.	YA Datin Faizah binti Jamaludin	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
4.	Puan Rohani binti Ismail	Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi) Mahkamah Persekutuan Malaysia
5.	Tuan Dean Wayne Daly	Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
6.	Tuan Mat Ghani bin Abdullah	Hakim Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur
7.	Tuan Asmadi bin Husin	Hakim Mahkamah Sesyen, Shah Alam
8.	YBhg. Datin Zalita binti Dato' Haji Zaidan	Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
9.	YBhg. Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid	Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara

BIL.	NAMA PESERTA	JAWATAN
10.	Tuan Anselm Charles Fernandis	Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri
11.	Encik Mohd Ivan bin Hussein	Tetuan Ivan Hussein Advocates, Kuching
12.	Encik Ahmad Shahrir bin Mohd Salleh	Tetuan Ramli, Shahrir and Tajul Petaling Jaya, Selangor
13.	Encik Dexter Agas Michael	Tetuan Ee & Lim Advocates, Kuching
14.	Cik Celestina Stuel Galid	Tetuan Jayasuria Kah & Co., Sabah

Kursus ini dilaksanakan dalam bentuk ceramah dan diikuti dengan sesi soal-jawab. Sebanyak 19 ceramah telah disampaikan oleh hakim-hakim kanan seperti berikut:

-
- (i) YAA Tun Raus Sharif
Presiden Mahkamah Rayuan *Judge Craft: The Making of a Good Judge*
-
- (ii) YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya *Judge Craft: Pending Hearing*
-
- (iii) YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya *Judge Craft: Sitting in Judgment*
-
- (iv) YA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop
Hakim Mahkamah Persekutuan *Adjudicating Trafficking of Drugs Cases Under Section 39B of the Dangerous Drugs*
-
- (v) YA Tan Sri Dato' Sri Azahar
bin Mohamed
Hakim Mahkamah Persekutuan *Business of Judging: Practical Workshop*
-
- (vi) YA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim
Hakim Mahkamah Persekutuan *How to Read Statute*
-
- (vii) YA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim
Hakim Mahkamah Persekutuan *Judgment Writing: Importance of Language*

(viii)	YA Tan Sri Dato' Wira Aziah binti Ali Hakim Mahkamah Persekutuan	<i>Practical Approach to Judgment Writing</i>
(ix)	YA Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham Hakim Mahkamah Persekutuan	<i>Dealing with Conflict and Unexpected Contentious Situations</i>
(x)	YA Tan Sri Jeffrey Tan Kok Wha Hakim Mahkamah Persekutuan	<i>Assessing the Credibility and Reliability of Evidence</i>
(xi)	YA Dato' Setia Haji Mohd Zawawi bin Salleh Hakim Mahkamah Rayuan	<i>Adjudicating Cases Under Section 302 of the Penal Code</i>
(xii)	YA Dato' Tengku Maimun binti Tuan Mat Hakim Mahkamah Rayuan	<i>Criminal Law: Evidence and Procedure</i>
(xiii)	YA Tan Sri Idrus bin Harun Hakim Mahkamah Rayuan	<i>When to Recuse</i>
(xiv)	YA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim Hakim Mahkamah Rayuan	<i>Salient Features of the Rules of Court 2012</i>
	YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim Hakim Mahkamah Rayuan	
	YA Dato' Asmabi binti Mohamad Hakim Mahkamah Rayuan	
(xv)	YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat Hakim Mahkamah Rayuan	<i>An Overview on Court-Annex Mediation</i>
(xvi)	YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat Hakim Mahkamah Rayuan	<i>Case Management</i>
(xvii)	YA Datuk Kamardin bin Hashim Hakim Mahkamah Rayuan	<i>Adjudicating Cases Under Security Offences (Special Measures) Act 2012 (SOSMA)</i>
(xviii)	Encik Nazri bin Nasehah Timbalan Pengarah Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan	<i>Salary, Allowances and Benefits for Judges</i>
(xix)	Puan Hamidah binti Mohd. Deril Timbalan Pendaftar, Unit e-Kehakiman Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan	<i>e-Court System</i>



Peserta kursus '*Induction Programme for Judicial Commissioners*'
pada 20 - 27 Mac 2017

2. KURSUS 'HOW TO DEAL WITH CASES UNDER SECTION 302 OF THE PENAL CODE'

Kursus '*How to Deal with Cases Under Section 302 of the Penal Code*' merupakan kursus kali kedua dianjurkan oleh Akademi Kehakiman. Kursus kali pertama telah diadakan pada 18-19 September 2014. Fasilitator-fasilitator kursus kali ini terdiri daripada YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed, Hakim Mahkamah Persekutuan dan YA Dato' Setia Mohd Zawawi bin Salleh, Hakim Mahkamah Rayuan. Kursus ini turut dihadiri oleh YAA Tun Raus Sharif, Ketua Hakim Negara.

Seramai 16 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada 7 orang Hakim Mahkamah Tinggi dan sembilan orang Pesuruhjaya Kehakiman.



Ketua Hakim Negara bersama-sama fasilitator dan peserta kursus '*How to Deal with Cases Under Section 302 of the Penal Code*'

Jadual 9 : Peserta Kursus 'How to Deal with Cases under Section 302 of the Penal Code'

BIL.	NAMA PESERTA	JAWATAN
1.	YA Dato' Zulkifli bin Bakar	Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam
2.	YA Dato' Mohd Azman bin Husin	Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam
3.	YA Dato' Haji Zainal Azman bin Abdul Aziz	Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu
4.	YA Tuan Stephen Chung Hian Guan	Hakim Mahkamah Tinggi Kuching
5.	YA Dato' Rosilah binti Yop	Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang
6.	YA Tuan Abu Bakar bin Jais	Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
7.	YA Tuan Mohd Nazlan bin Mohd Ghazali	Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
8.	YA Dr. Haji Alwi bin Haji Abdul Wahab	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Miri
9.	YA Dato' Ahmad bin Bache	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kota Bharu
10.	YA Puan Al-Baishah binti Abd Manan	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Johor Bahru
11.	YA Dato' Siti Mariam binti Othman	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Seremban
12.	YA Dato' Hassan bin Abdul Ghani	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuantan
13.	YA Puan Chan Jit Li	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Alor Setar
14.	YA Tuan Muhammad Jamil bin Hussin	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Muar
15.	YA Puan Hayatul Akmal binti Abdul Aziz	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Ipoh
16.	YA Dato' Haji Mohamad Shariff bin Abu Samah	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Kursus ini telah dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama merupakan sesi pembentangan oleh peserta-peserta mengenai tajuk-tajuk perbincangan sebagaimana ditentukan oleh fasilitator. Tajuk-tajuk perbincangan adalah berkaitan dengan kes-kes di bawah Kanun Keseksaan (Penal Code) [Akta 574] dan beberapa peruntukan undang-undang lain seperti Akta Keterangan 1950 (Evidence Act 1950) [Akta 56]. Tajuk-tajuk perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

-
